



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

PERLEMBAGAAN KITA, PERADABAN KITA



Your paragraph text

Aishah Binti Abd Razak
Hasani Binti Ghazali
Azlina Binti Muhammad

PERLEMBAGAAN KITA, PERADABAN KITA

Oleh :

**Aishah Binti Abd Razak
Hasani Binti Ghazali
Azlina Binti Muhammad**

HAK CIPTA TERPELIHARA

Tiada bahagian daripada terbitan buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat samada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah terlebih dahulu.

PERLEMBAGAAN KITA, PERADABAN KITA

Aishah binti Abdul Razak

Hasani binti Ghazali

Azlina binti Muhammad

No. e ISBN : 978-629-7667-61-4

Terbitan pertama 2025

Diterbitkan oleh

UNIT PENERBITAN

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

Persiaran Usahawan

Seksyen U1

40150 Shah Alam

Selangor

Telephone No: +603 5163 4000

Fax No: +603 5569 1903

e ISBN 978-629-7667-61-4



PERLEMBAGAAN KITA,
PERADABAN KITA



PRAKATA

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah dan kurnia Nya, e-book Perlembagaan Kita, Peradaban Kita berjaya dihasilkan walaupun berdepan dengan pelbagai dugaan dan kepayahan. Perkembangan teknologi internet dalam era globalisasi telah mengubah kaedah pembelajaran serta pencapaian sumber dalam menggali ilmu pengetahuan. Melihat kepada fenomena perkembangan globalisasi pada hari ini penulis rasa bertanggungjawab untuk menghasilkan e-book ini agar ia memudahkan para pensyarah, pelajar dan orang awam menimba ilmu.

Di kesempatan ini penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengarah PSA, Timbalan Pengarah Akademik, Ketua Jabatan, Ketua Kursus Pendidikan Islam, Pusat Akademik dan Teknologi Instruksional Terkedepan (FITAC) serta Panel Penilai dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah kerana memberi kepercayaan dan dorongan kepada para penulis dalam menghasilkan penulisan dan penerbitan buku.

Penutup kalam, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang membantu penulis secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan e-book ini. Semoga penghasilan e-book ini dapat memberi manfaat kepada pensyarah dan pelajar politeknik di seluruh Malaysia khususnya bagi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.



ABSTRAK

e-Book ini mengupas Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara dalam kerangka masyarakat majmuk Malaysia yang unik. Penulisan ini menelusuri sejarah penggubalan Perlembagaan yang mengambil kira kepelbagaian etnik dan kepentingan bersama rakyat Malaysia. Penulis membincangkan peranan Perlembagaan sebagai tiang seri yang menjadi asas kepada perpaduan nasional, serta sebagai tapak integrasi yang menyatukan pelbagai kelompok masyarakat melalui nilai-nilai bersama. Turut diuraikan ialah konsep, keperluan, serta penghayatan terhadap tapak integrasi, di samping menjelaskan tahap-tahap integrasi, cabaran semasa dan tafsiran kontemporari terhadap Perlembagaan Persekutuan. Secara keseluruhan, karya ini menegaskan bahawa Perlembagaan bukan sekadar dokumen perundangan, tetapi juga wahana etika dan peradaban yang menyumbang kepada pembinaan masyarakat harmoni dan bersepadu di Malaysia.

KENALI PENULIS



AISHAH BINTI ABDUL RAZAK

Merupakan graduan dari Universiti al Azhar, Mesir dan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah Islam. Berpengalaman mengajar di politeknik selama 26 tahun dan telah diamanahkan untuk mengajar kursus Peghayatan Etika dan Peradaban sejak ia diperkenalkan di politeknik.

HASANI BINTI GHAZALI

Merupakan graduan dari Universiti Malaya dan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pendidikan Islam dan Sarjana Usuluddin. Berpengalaman mengajar di politeknik selama 25 tahun dan telah diamanahkan untuk mengajar kursus Peghayatan Etika dan Peradaban sejak ia diperkenalkan di politeknik.



AZLINA BINTI MUHAMMUD



Merupakan graduan dari Universiti Malaya dan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Usuluddin. Berpengalaman mengajar di politeknik selama 25 tahun dan telah diamanahkan untuk mengajar kursus Peghayatan Etika dan Peradaban sejak ia diperkenalkan di politeknik.

Objektif Buku ini

4 HASIL PEMBELAJARAN

Di akhir pembelajaran pembaca dapat:

1

Memahami latar belakang sejarah Perlembagaan Persekutuan sebagai tapak integrasi utama negara.

2

Menganalisis perkara-perkara asas dalam Perlembagaan Persekutuan.

3

Menjelaskan konsep Tapak Integrasi dalam kehidupan bermasyarakat.

4

Menilai cabaran semasa terhadap Perlembagaan Persekutuan.



KANDUNGAN



Pengenalan	9
Sejarah, Definisi dan Konsep Perlembagaan	11
Pengukuhan	29
Perlembagaan sebagai Tiang Seri dan Tapak Integrasi	30
Pengukuhan	39
Tiga Platform Integrasi	40
Pengukuhan	49
Cabaran dan Tafsiran Semasa	50
Pengukuhan	59
Rumusan	61
Rujukan	62




PENGENALAN



Your paragraph text

Perlembagaan

Perlembagaan Persekutuan Malaysia merupakan undang-undang tertinggi negara yang menjadi asas kepada pembentukan kerajaan serta kerangka pentadbiran negara. Ia digubal hasil daripada proses sejarah yang panjang melibatkan Suruhanjaya Reid (1956), rundingan antara pemimpin tempatan dan pihak British, serta perbahasan awam sebelum diisytiharkan pada 31 Ogos 1957. Perlembagaan ini bukan sahaja menetapkan struktur pemerintahan seperti sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan, malah ia juga mengandungi peruntukan berkaitan hak asasi, agama, bahasa kebangsaan, serta kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera. Kedudukannya sebagai “Tiang Seri Negara” menjadikan Perlembagaan Persekutuan platform integrasi yang menyatukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama, dan budaya di bawah satu kerangka undang-undang yang sama.





SEJARAH, DEFINISI DAN KONSEP PERLEMBAGAAN



Your paragraph text



PERLEMBAGAAN merupakan undang-undang tertinggi sesebuah negara yang menjadi asas kepada pembentukan kerajaan, pengagihan kuasa, dan perlindungan hak rakyat. Dalam konteks Malaysia, Perlembagaan Persekutuan adalah dokumen undang-undang utama yang menggariskan struktur kerajaan persekutuan, kuasa negeri, hak asasi rakyat, dan prinsip asas negara. Ia berfungsi sebagai panduan dan pengikat kepada semua pihak, termasuk kerajaan, mahkamah, dan rakyat.



Abdul Aziz Bari (2017) mendefinisikan perlembagaan sebagai keseluruhan undang-undang yang secara langsung atau tidak langsung menentukan pengagihan dan pelaksanaan kuasa dalam negara.



Terdapat 2 bentuk perlembagaan iaitu perlembagaan bertulis dan tidak bertulis.



Strong (1972) pula menjelaskan perlembagaan merujuk kepada suatu kumpulan yang mengurus kekuasaan kerajaan, hubungan antara pemimpin dan rakyat dan juga perkara yang berkaitan dengan hak-hak yang dimiliki dalam sesebuah negara.

Perlembagaan boleh dirumuskan sebagai kontrak sosial dan politik yang memandu pentadbiran negara, menentukan hak rakyat, dan menjadi rujukan tertinggi bagi semua undang-undang dan tindakan kerajaan. (Shad Saleem Faruqi, 2019).

Apakah Definisi Sebenar Kontrak Sosial?

Satu persetujuan atau kesepakatan Kaum Melayu dan bukan Melayu untuk memelihara kepentingan bangsa masing-masing. Perjanjian ini telah menjadi isi utama dalam rangka Perlembagaan Persekutuan 1957

Kontrak Sosial Dalam Perlembagaan

Perkara 3: Islam sebagai Agama Persekutuan
Perkara 14: Kewarganegaraan melalui kaitan kuasa undang-undang
Perkara 152: Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan
Perkara 153: Hak istimewa Melayu
Perkara 181: Kedaulatan Raja-raja Melayu

Bagaimana Kontrak Sosial Terbentuk?

Melayu Adalah Tuan Tanah
Orang Melayu enggan menerima konsep Jua Sali yang mahu diberikan oleh British kepada orang bukan Melayu. Oleh sebab itu, mereka orang Melayu membantah sebarang kesetiaan, pentadbiran, Malayan Union, yang mahu dilaksanakan oleh British. Orang Melayu berpendapat mereka sebagai Tuan Tanah kepada Tanah Melayu. Masa depan dan nasib Tanah Melayu terletak di tangan mereka, bukan di tangan bangsa asing, mahupun penjajah.

British Mempuak orang Melayu
Orang Melayu diakui bersedia untuk memberikan kesetiaan kepada orang bukan Melayu jika mereka mahu mencapai kemerdekaan. British enggan menghantar semula orang bukan Melayu ke Negara asal mereka.

Setelah Berunding
Kesengsaraan dan pengorbanan orang Melayu akhirnya terbekas apabila Raja-raja Melayu meminta kepada empat perkara penting. Apabila dalam Hak Istimewa Melayu, Kedaulatan Raja-raja Melayu dan Kedudukan Bahasa Melayu diberikan sebagai pertukaran kepada pengorbanan orang Melayu untuk menerima orang bukan Melayu sebagai warganegara.

Kesimpulan

1. Orang Bukan Melayu tidak ada hak untuk memper-soalkan:


- Agama Islam sebagai agama Persekutuan
- Hak istimewa Melayu.
- Kedaulatan Raja-raja Melayu
- Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan.

2. Mempersoalkan keempat-empat perkara di atas seolah-olah mempersoalkan status kewarganegaraan yang mereka nikmati pada hari ini.

3. Kita sebagai rakyat Malaysia wajib mempertahankan perlembagaan yang ada. Keamnan dan keselamatan yang kita kecapi pada hari ini tidak akan dapat dilekalkan jika sebahagian daripada kita sendiri yang menganggu-gugat asas kepada pembentukan Negara Malaysia yang tercinta ini.

PERLEMBAGAAN SEBAGAI TIANG SERI DAN TAPAK INTEGRASI

"KURSI INTEGRASI
KERANA
PERLEMBAGAAN"



- MENYARANKAN MASYARAKAT UNTUK MERUJUK KEPADA UNDANG-UNDANG YANG SAMA;
- MENJAMINKAN KESTABILAN POLITIK DAN SISTEM PENTADBIRAN NEGARA;
- MENJAMIN KESELAMATAN DAN KESERAHAN RAKYAT;
- MELINDUNGI KEPENTINGAN SEMUA KAUM DENGAN KEADILAN SOSIAL



Ia menentukan cara sesebuah negara itu diasaskan dan diperintah seperti yang termaktub dalam undang-undang, adat atau peraturan yang lazim dipakai. Bagi sebuah negara yang berdaulat setiap individu tanpa mengira latar belakang bangsa, agama dan budaya perlu menghormati Perlembagaan Malaysia.



SCAN ME



Perlembagaan mengandungi
15 bahagian, 183 perkara
dan 13 jadual





Penggubalan Perlembagaan ini tidak berlaku secara tiba-tiba; ia adalah hasil proses sejarah yang panjang, melibatkan kompromi antara pelbagai pihak, termasuk kerajaan kolonial British, Raja-raja Melayu, pemimpin politik pelbagai kaum, serta pakar perlembagaan antarabangsa.



Memahami sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan membolehkan pelajar meneliti rasional di sebalik setiap peruntukan, menghargai nilai kompromi politik dan sosial, serta menghayati peranan perlembagaan dalam mengekalkan kestabilan negara sehingga kini.

[MORE INFO](#)[SCAN ME](#)



MALAYAN UNION

Malayan Union diperkenalkan adalah untuk menyatukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri selat dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Ia bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan pentadbiran.



Your paragraph text

Namun begitu, British masih menyimpan perasaan anti-Melayu kerana mereka beranggapan orang Melayu bekerjasama dengan Jepun dan mereka berhasrat untuk melemahkan kuasa Raja-raja Melayu.





Malayan Union telah ditentang oleh Raja-raja dan orang Melayu disebabkan perkara berikut:

- a) Kuasa Raja-raja Melayu dan hak istimewa orang Melayu tergugat.
- b) Singapura dikeluarkan dari Malayan Union dan kekal sebagai tanah jajahan.
- c) Hak kerakyatan berdasarkan prinsip jus soli (hak kerakyatan yang sama rata)
- d) Hak samarata diberikan kepada semua warganegara tanpa mengira bangsa.

MORE INFO



SCAN ME

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948

Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah digubal bagi menggantikan Malaya Union yang ditentang oleh Raja-raja dan orang Melayu. Melalui Perjanjian Persekutuan 1948 ini, kerajaan pusat akan terdiri daripada Pesuruhjaya Tinggi British, sebuah Majlis Mesyuarat dan Majlis Perundangan.



Majlis Perundangan mengandungi anggota rasmi dan anggota tidak rasmi yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British. Hasil daripada perjanjian ini, lahirlah satu perlembagaan baharu bagi Tanah Melayu sebagai Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Sebelum terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu 1948, satu jawatankuasa kerja ditubuhkan yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perundangan pada Disember 1947 yang terdiri daripada orang Eropah, Cina dan India yang berperanan meninjau pendapat orang bukan Melayu. Akhirnya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan pada 1 Februari 1948.



Your paragraph text

MORE INFO



SCAN ME



KERJASAMA ETNIK (CLC)

Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat (CLC) 1949 telah ditubuhkan dibawah pentadbiran British di Tanah Melayu. Tujuan utama adalah untuk mengeratkan hubungan dan kerjasama dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum iaitu Melayu, Cina dan India serta mewujudkan keharmonian politik, ekonomi dan sosial bagi mencapai kemerdekaan negara.



Kemenangan parti Perikatan dalam pilihanraya 1955 telah membuktikan bahawa wujud kerjasama dan toleransi yang cukup kukuh antara orang Melayu dan bukan Melayu khususnya melibatkan pembahagian kerusi dalam pilihanraya.





RUNDINGAN LONDON

Rundingan London adalah satu siri perbincangan rasmi yang diadakan di London antara Januari hingga Februari 1956 antara wakil-wakil Persekutuan Tanah Melayu, kerajaan British dan Raja-raja Melayu. Rundingan ini sangat penting kerana ia membuka jalan kepada kemerdekaan Tanah Melayu dan menjadi salah satu detik terpenting dalam sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan.



Delegasi Persekutuan Tanah Melayu diketuai oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (Ketua Menteri) dan disertai pemimpin MCA, MIC, serta wakil Raja-raja Melayu. Delegasi British diketuai oleh Alan Lennox-Boyd, Setiausaha Tanah Jajahan British.



Berikut adalah antara persetujuan yang dicapai hasil daripada rundingan tersebut:

- Persetujuan ke arah kemerdekaan penuh Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.
- Penubuhan Suruhanjaya Perlembagaan (Suruhanjaya Reid) untuk menggubal rangka perlembagaan negara.
- Persetujuan menubuhkan Jawatan Kuasa Kerja (Working Committee) yang dianggotai wakil British, Raja-raja Melayu dan pemimpin Perikatan bagi menyemak cadangan Suruhanjaya Reid.



"" Kita semua adalah rakyat Malaysia dan kemerdekaan inilah menyatukan kita. Ingatlah bahawa toleransi adalah kekuatan kita sebagai rakyat dan bangsa ""

MORE INFO



SCAN ME



SURUHANJAYA REID 1956

Suruhanjaya Reid ditubuhkan pada Mac 1956 bagi merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sebagai persediaan menuju kemerdekaan. Mereka meneliti memorandum daripada parti politik, pertubuhan dan individu serta mengkaji Perjanjian Persekutuan 1948 sebelum menghasilkan draf perlembagaan.



Antara cadangan utama ialah pembentukan negara persekutuan dengan sistem demokrasi berparlimen dan kedudukan Raja-raja Melayu terjamin, penubuhan Parlimen dua dewan, menjamin hak istimewa orang Melayu, menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, satu kerakyatan, kedudukan Agama Islam serta jaminan hak asasi rakyat. Laporan Suruhanjaya ini diserahkan pada Februari 1957 dan menjadi asas kepada Perlembagaan Persekutuan 1957.



PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN



PTM 1957

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah menjadi asas kepada kemerdekaan Tanah Melayu. Ia dikuatkuasakan pada 31 Ogos 1957 sehingga hari ini dengan beberapa pindaan telah dilakukan.



PTM 1963

Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963 adalah pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 setelah Sabah, Sarawak dan Singapura menyertai pembentukan Malaysia.

MORE INFO



SCAN ME



PERUNTUKAN UTAMA DALAM PERLEMBAGAAN

Terdapat **LIMA** peruntukan utama dalam perlembagaan iaitu:

BAHASA MELAYU

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara. Bahasa ini digunakan dalam semua urusan rasmi kerajaan, pendidikan dan komunikasi rasmi di seluruh negara. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa lain seperti bahasa ibunda kaum-kaum di Malaysia masih dibenarkan dan dipelihara.



AGAMA ISLAM

Perkara 3 Perlembagaan menyatakan bahawa Islam ialah agama Persekutuan, namun kebebasan beragama dijamin kepada semua rakyat Malaysia. Tidak menafikan hak rakyat berbilang kaum mengamalkan agama masing-masing.





HAK KEISTIMEWAAN ORANG MELAYU & BUMIPUTERA DAN RAJA-RAJA MELAYU.

Perkara 153 memperuntukkan hak istimewa orang Melayu serta Bumiputera Sabah dan Sarawak, di samping menjaga hak sah kaum lain. Hak istimewa ini termasuklah peluang dalam pendidikan, biasiswa, jawatan dalam perkhidmatan awam serta bidang ekonomi tertentu. Peruntukan ini bertujuan mewujudkan keseimbangan sosioekonomi antara kaum serta memupuk keharmonian dalam pembangunan negara.




Melalui artikel 71(1) persekutuan hendaklah menjamin hak raja sesuatu negeri untuk naik takhta dan memegang, menikmati dan menjalankan hak-hak dan keistimewaan di sisi perlembagaan bagi Raja Negeri itu mengikut perlembagaan.

KEWARGANEGRAAN

Peruntukan bagi memperolehi kewarganegaraan termaktub dalam Bahagian 3 Perkara 14 hingga Perkara 22 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Terdapat empat cara utama untuk memperolehi kewarganegaraan Malaysia, iaitu:

- a) Secara kuat kuasa undang-undang.
- b) Secara pendaftaran atau permohonan.
- c) Secara naturalisasi (kemasukan).
- d) Secara cantuman wilayah.



HAK ASASI RAKYAT

Perlembagaan menjamin hak asasi warganegara. Walau bagaimanapun, hak-hak ini boleh dihadkan oleh undang-undang atas faktor keselamatan negara, ketenteraman awam, moral atau kesihatan. Peruntukan ini memastikan keseimbangan antara kebebasan individu dan kepentingan masyarakat secara keseluruhan.



PERANAN PERLEMBAGAAN

Wujudnya perlembagaan menjamin riwayat sesebuah negara bangsa sentiasa relevan dengan peredaran zaman. Antara peranan Perlembagaan adalah :

- a) Mewujudkan pemerintahan yang adil walaupun Perkara 3 (1), Bahagian 1 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa Islam ialah agama Persekutuan, namun perlembagaan menjamin kebebasan penganut agama lain untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing.
- b) Mengelakkan penyalahgunaan kuasa dan mengawal pergerakan kerajaan dan rakyat. Perlembagaan juga mengandungi peruntukan khas yang memperincikan kuasa dan kedudukan Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja Melayu, serta Yang Dipertua Negeri dalam sistem pemerintahan negara.
- c) Alat penyelesaian masalah segala isu berkaitan pembentukan undang-undang serta pelaksanaan hukuman terhadap mana-mana warganegara mestilah selaras dan berlandaskan kepada peruntukan yang termaktub dalam Perlembagaan.

d) Mengekalkan riwayat negara bangsa. Perlembagaan berperanan penting dalam mengekalkan identiti negara bangsa Malaysia kerana melaluinya, sistem pentadbiran serta pelaksanaan undang-undang dapat dijalankan secara teratur dan berkesan.

e) Menjaga kestabilan negara walaupun warganegara Malaysia diberikan kebebasan bersuara, berhimpun dan berpersatuan sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 10, Bahagian 2 Perlembagaan Persekutuan, hak-hak ini tetap tertakluk kepada sekatan-sekatan yang wajar demi menjaga ketenteraman awam, keselamatan negara, dan moral masyarakat.



Rajah 1 : PERLEMBAGAAN DALAM KONTEKS MALAYSIA

PENGUKUHAN



JAWAB SEMUA SOALAN BERIKUT:

1. Mengapakah British memperkenalkan Malayan Union pada tahun 1946?

2. Nyatakan sebab-sebab Malayan Union ditentang oleh Raja-raja dan orang Melayu?

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

3. Apakah yang dimaksudkan dengan Perlembagaan?

4. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 digubal oleh _____.

5. Sebutkan 5 peruntukan utama dalam Perlembagaan.

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

v. _____



PERLEMBAGAAN SEBAGAI TIANG SERI & TAPAK INTEGRASI



Your paragraph text



TIANG SERI DAN TAPAK INTEGRASI

Perlembagaan sering digambarkan sebagai “Tiang Seri” negara. Metafora ini diambil daripada seni bina rumah Melayu tradisional yang meletakkan tiang seri sebagai tiang utama yang menyokong keseluruhan struktur rumah. Perlembagaan menjadi asas, teras dan penyokong utama kepada sistem pemerintahan dan kehidupan bernegara.

SCAN ME



Tapak integrasi boleh didefinisikan sebagai ruang atau platform sama ada fizikal atau maya, yang menyediakan peluang dan persekitaran yang kondusif untuk interaksi, persefahaman dan perpaduan di antara individu daripada pelbagai latar belakang sosio ekonomi, budaya dan agama.

Perlembagaan Persekutuan berperanan sebagai dokumen induk dan sumber legitimasi yang menjamin kestabilan politik, melindungi kepelbagaian dan memandu hala tuju pembangunan negara.



Oleh itu, Perlembagaan sebagai tapak integrasi bermaksud Perlembagaan menjadi dokumen penyatuan yang akan:

- mewujudkan kesepakatan antara kaum dan negeri.
- memberi ruang kepada kepelbagaian budaya dan agama dalam rangka undang-undang yang sama.
- menyediakan asas kepada perpaduan nasional dan kestabilan politik.
- menjadi panduan kepada dasar pendidikan, bahasa dan hak asasi yang menyokong pembinaan masyarakat bersatu.



Tiang Seri menjadi pencetus kewujudan identiti Malaysia agar persefahaman dan perpaduan dapat dipupuk.



KEPERLUAN TAPAK INTEGRASI

MEWUJUDKAN KESEPADUAN SOSIAL

Tapak integrasi berperanan sebagai asas penyelarasan pelbagai kepentingan etnik. Tanpa asas ini, konflik kepentingan lebih mudah berlaku. Di Malaysia, Perlembagaan Persekutuan menjadi kerangka yang menjamin hak asasi semua warganegara (Bahagian II) sambil mengekalkan ciri-ciri khusus seperti kedudukan Islam (Perkara 3) dan bahasa kebangsaan (Perkara 152). Ini membantu membina identiti kebangsaan yang lebih kukuh.



Your paragraph text

MENGIMBANGI HAK DAN TANGGUNGJAWAB

Keperluan tapak integrasi juga timbul daripada sifat masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Peruntukan seperti Perkara 153 (kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera) disertai dengan jaminan hak kepada kaum lain. Mekanisme ini mengimbangi tuntutan keadilan sosial dengan realiti sejarah dan demografi negara.



MENJAMIN KESTABILAN POLITIK DAN EKONOMI

Tapak integrasi diperlukan untuk mengekalkan kestabilan politik, kerana ketiadaan asas penyatu boleh mengakibatkan ketegangan kaum dan ketidakstabilan dasar. Dengan wujudnya satu kerangka yang diterima bersama, dasar pembangunan seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara dapat dilaksanakan secara lebih konsisten.



MEMBINA IDENTITI NASIONAL

Tapak integrasi juga penting untuk melahirkan identiti nasional yang disepakati. Melalui pendidikan, bahasa kebangsaan, simbol negara dan institusi beraja, rakyat berpeluang menghayati nilai kebangsaan yang sama walaupun berlatar belakang berbeza.

PENGHAYATAN TAPAK INTEGRASI

Penghayatan tapak integrasi adalah satu proses memahami dan menghayati prinsip-prinsip yang menjadi asas perpaduan, keharmonian dan kerjasama dalam masyarakat yang pelbagai. Ia merujuk kepada dokumen seperti Perlembagaan Persekutuan sebagai contoh utama tapak integrasi nyata atau abstrak dalam mencapai persetujuan secara aman. Penghayatan ini melibatkan pengamalan nilai-nilai murni dan etika untuk membina sebuah negara yang bersatu, demokratik, maju dan beretika.

MEMAHAMI NILAI PERLEMBAGAAN

Penghayatan bermula dengan pemahaman mendalam terhadap prinsip-prinsip asas yang termaktub dalam Perlembagaan seperti kedaulatan undang-undang, sistem demokrasi berparlimen, pemisahan kuasa, hak asasi warganegara, kedudukan Raja-raja Melayu, kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan, bahasa kebangsaan dan hak istimewa Melayu/Bumiputera (Perkara 3, 8, 152, 153). Memahami nilai ini membantu rakyat melihat Perlembagaan sebagai “kontrak sosial” dan “dokumen penyatu” yang merangkumi kepentingan semua kaum (Shad Saleem Faruqi, 2019).

MENGAMALKAN PRINSIP PERLEMBAGAAN

Penghayatan juga bermaksud mengamalkan prinsip tersebut dalam tindakan harian contohnya menghormati hak dan kebebasan orang lain, mematuhi undang-undang, mengiktiraf kepelbagaian budaya, serta menolak ucapan dan tindakan yang boleh mengganggu keharmonian kaum/agama lain.



MEMBINA MASYARAKAT BERSATU DAN BERETIKA

Melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berjiwa bebas, progresif dan demokratik. Selari dengan aspirasi Rukun Negara (1970) yang menekankan kesetiaan kepada Raja dan Negara, keluhuran Perlembagaan dan kedaulatan undang-undang. Rakyat boleh mengekalkan keharmonian walaupun berbeza latar belakang, serta menegakkan prinsip keadilan sosial.

PERLEMBAGAAN SEBAGAI ASAS ETIKA DAN PERADABAN

PERLEMBAGAAN SEBAGAI TAPAK INTEGRASI

Perlembagaan Persekutuan menjadi tapak integrasi kerana ia menggabungkan pelbagai kepentingan politik, sosial, agama dan budaya dalam satu kerangka nasional. Ia mengekalkan kestabilan dengan mengiktiraf kepelbagaian masyarakat Malaysia melalui peruntukan hak asasi, bahasa kebangsaan, agama rasmi, serta kedudukan istimewa kaum tertentu sambil melindungi hak semua warganegara. Hal ini memastikan setiap komuniti dapat hidup dalam suasana aman dan harmoni tanpa menjejaskan hak masing-masing.

NILAI DAN PRINSIP ETIKA DALAM PERLEMBAGAAN

Perlembagaan menekankan nilai keadilan, kesamarataan, toleransi dan perpaduan. Sebagai contoh, Perkara 8 menjamin kesamarataan di sisi undang-undang, manakala Perkara 11 memperuntukkan kebebasan beragama. Nilai-nilai ini membentuk asas etika dalam kehidupan bernegara kerana ia menuntut semua individu dan institusi menghormati hak dan tanggungjawab bersama. Etika yang terpancar melalui peruntukan ini membantu membina masyarakat madani yang berperadaban tinggi.



PEMBENTUKAN JATI DIRI DAN PERPADUAN NASIONAL

Melalui semangat perlembagaan, rakyat dapat menghayati semangat patriotisme, hormat-menghormati dan toleransi antara kaum. Contohnya, Perkara 152 menetapkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, namun hak untuk menggunakan bahasa lain tidak dinafikan. Ini mencerminkan keseimbangan antara pembinaan identiti nasional dan pengiktirafan terhadap kepelbagaian budaya sebagai satu ciri penting peradaban Malaysia.



***"Manusia yang lemah
sekali pun jika bersatu
padu akan dapat
menggoncang dunia,
demikianlah kesannya
akibat PERPADUAN"***

PENGUKUHAN



JAWAB SEMUA SOALAN BERIKUT:

1. Perlembagaan Persekutuan dianggap sebagai Tiang Seri negara kerana ia merupakan _____ tertinggi yang menjadi rujukan dalam semua aspek pemerintahan.
2. Sebagai Tapak Integrasi, Perlembagaan memastikan perkongsian kuasa dan permuafakatan antara kaum dapat dicapai melalui _____ yang adil.
3. Perlembagaan berfungsi sebagai Tiang Seri dengan menggariskan struktur _____ negara, termasuk pemisahan kuasa antara badan Eksekutif, Legislatif, dan Kehakiman.
4. Rukun Negara, terutamanya prinsip Kedaulatan Undang-Undang, adalah selaras dengan peranan Perlembagaan sebagai _____ dalam pemerintahan negara.
5. Senaraikan DUA (2) contoh Tapak Integrasi di Malaysia.
 - a) _____
 - b) _____

TIGA PLATFORM INTEGRASI



Your paragraph text

MORE INFO



SCAN ME

PROSES INTEGRASI

Tahap hubungan etnik merangkumi beberapa proses sosial yang mencerminkan bentuk interaksi antara kumpulan etnik dalam sesebuah masyarakat. **Segregasi** merupakan tahap awal yang memperlihatkan pemisahan antara kumpulan etnik, seperti yang berlaku semasa penjajahan British di Malaysia apabila Melayu, Cina dan India dipisahkan berdasarkan pekerjaan dan kawasan penempatan. **Akomodasi** berlaku apabila wujud kesedaran dan penghormatan antara kumpulan etnik terhadap budaya masing-masing, yang membawa kepada suasana kehidupan yang lebih harmoni dan toleran. **Alkulturasi** merujuk kepada penerimaan unsur budaya antara etnik sehingga menjadi sebahagian daripada identiti budaya masing-masing,



Asimilasi berlaku apabila kumpulan minoriti menyesuaikan diri dengan budaya kumpulan dominan sehingga membentuk satu identiti bersama tanpa mengubah kepercayaan asal.

Amalgamasi melibatkan perkahwinan campur antara etnik sehingga membentuk identiti baharu dari segi budaya dan fizikal.



PLATFORM INTEGRASI

Tahap integrasi adalah merujuk kepada saluran atau mekanisme yang berperanan dalam menyatukan masyarakat majmuk di Malaysia. Secara umumnya terdapat 3 saluran utama dalam membentuk tapak integrasi tersebut.



Rajah 2 : TIGA TAHAP TAPAK INTEGRASI



MAKRO (PERANAN KERAJAAN)

Tahap Makro adalah peranan yang dimainkan oleh kerajaan sebagai penggubal dasar negara dan sistem pentadbiran bagi memastikan tahap integrasi terlaksana. Ia melibatkan peranan kerajaan dan dasar awam dalam membina integrasi nasional. Tujuannya adalah mewujudkan struktur masyarakat yang adil, saksama, dan harmoni secara menyeluruh di peringkat negara.



Rajah 3 : CONTOH MAKRO



MESO (PERANAN NGO)

Tahap Meso adalah peranan yang dimainkan oleh organisasi sosial dan komuniti dalam memastikan integrasi tercapai. Ia melibatkan institusi seperti sekolah, NGO, tempat kerja, universiti, serta program sosial yang melibatkan kumpulan pelbagai kaum. Ia menyediakan platform interaksi antara pelbagai kaum dalam skala lebih besar daripada tahap mikro.





MIKRO (PERANAN RAKYAT)

Tahap Mikro adalah peranan yang dimainkan oleh rakyat iaitu merupakan inisiatif akar umbi dalam membentuk hubungan antara individu. Integrasi pada peringkat ini berlaku dalam hubungan antara individu atau kumpulan kecil, seperti dalam keluarga, rakan sebaya, jiran, dan komuniti kecil. Menekankan toleransi, persefahaman, dan komunikasi antara rakyat berbilang kaum dan agama. Komunikasi bersifat bawah ke atas (bottom-up)



Rajah 4 : CONTOH MIKRO



Secara keseluruhannya, kewujudan elemen Tapak Integrasi dalam sesebuah negara majmuk seperti Malaysia amat signifikan kerana ia berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan pelbagai kaum. Selain itu, elemen ini juga menjadi asas penting dalam membentuk kesepaduan sosial yang kukuh, sekali gus memupuk perpaduan nasional secara berterusan.

**SCAN ME**

CAKNA MINDA



PERLEMBAGAAN
MALAYSIA



SCAN ME



PERANAN NGO

Minggu Perpaduan Wujudkan Tapak Integrasi Rakyat Berinteraksi Antara Satu Sama Lain

17 Ogos 2025



<https://malaysiaaktif.my/2025/08/minggu-perpaduan-wujudkan-tapak-integrasi-rakyat-berinteraksi-antara-satu-sama-lain/>

Memahami Silang Budaya Tingkat Perpaduan Kaum

21 Mac 2025



<https://malaysiaaktif.my/2025/03/memahami-silang-budaya-tingkat-perpaduan-kaum/>



Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional

@JPNINOfficial - 343 subscribers · 73 videos

More about this channel ...more

Subscribe

Home Videos Shorts Live Playlists Q

<https://www.youtube.com/@JPNINOfficial>

MARI FAHAMI ISTILAH



SEGREGASI

Pengasingan atau pemisahan antara satu kelompok dengan kelompok lain.

ASIMILASI

Kumpulan minoriti menerima dan menghayati budaya utama kumpulan majoriti.

AKOMODASI

Majoriti dan minoriti sedar dan menghormati norma dan nilai masing-masing.

AKULTURASI

Pinjam meminjam unsur budaya di kalangan etnik berbeza majoriti dan minoriti.

AMALGAMASI

Asimilasi biologi antara majoriti dan minoriti

TAPAK INTEGRASI

Kawasan yang menyatukan pelbagai sistem atau pihak di peringkat negara untuk tujuan pembangunan bersepadu.



PENGUKUHAN



JAWAB SEMUA SOALAN BERIKUT:

1. Tahap integrasi _____ merujuk kepada hubungan antara individu dengan individu lain dalam masyarakat.
2. Tahap integrasi _____ pula berlaku dalam kumpulan sosial seperti keluarga, sekolah atau organisasi.
3. Integrasi pada tahap _____ melibatkan hubungan antara institusi besar seperti kerajaan, ekonomi dan undang-undang.
4. Contoh integrasi _____ ialah perpaduan antara kaum melalui interaksi dalam komuniti kejiwaan.
5. Persatuan belia dan NGO merupakan contoh platform integrasi pada tahap _____.
6. Hubungan antara agensi kerajaan dan dasar negara yang menyatupadukan rakyat berlaku pada tahap _____.
7. Integrasi antara pelajar berbilang kaum di dalam bilik darjah menunjukkan integrasi tahap _____.

CABARAN DAN TAFSIRAN SEMASA



CABARAN DAN TAFSIRAN SEMASA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Cabaran semasa terhadap Perlembagaan Malaysia merangkumi isu-isu berkaitan kontrak sosial antara kaum, seperti kedudukan istimewa orang Melayu & Bumiputera dan kewarganegaraan, yang terus menjadi punca perdebatan mengenai keharmonian negara. Tafsiran Perlembagaan juga sering dibahasakan, terutamanya apabila ia melibatkan isu sensitif seperti kebebasan agama dan hak asasi manusia yang perlu diseimbangkan dengan struktur sedia ada.



Your paragraph text



CABARAN UTAMA

HAK ASASI MANUSIA

Perlunya penyesuaian dan tafsiran perlembagaan untuk selari dengan piawaian hak asasi manusia sejagat di samping memenuhi keperluan khusus masyarakat Malaysia. Terdapat kritikan bahawa beberapa tafsiran dan pelaksanaan Perlembagaan semasa tidak sepenuhnya selari dengan piawaian hak asasi manusia antarabangsa. Cabaran ini muncul apabila hak-hak seperti kebebasan bersuara dan berkumpul dibatasi dengan alasan menjaga keamanan dan ketenteraman awam.

HUMAN RIGHTS?





KONTRAK SOSIAL DAN HAK ISTIMEWA ORANG MELAYU

Kontrak sosial yang menjadi asas perlembagaan, yang menggabungkan pengiktirafan hak istimewa orang Melayu dan kedudukan bumiputera dengan pemberian kewarganegaraan kepada kaum lain, sentiasa mendapat cabaran. Isu ini kerap menjadi punca perdebatan mengenai keadilan dan kesaksamaan, lantas mengancam kestabilan sosial.



KESTABILAN POLITIK

Perubahan landskap politik dan persaingan kuasa yang berterusan boleh memberi tekanan kepada penguatkuasaan dan interpretasi Perlembagaan.



ISU KEBEBASAN BERAGAMA

Perlembagaan memperuntukkan kebebasan beragama, namun tafsiran dan pelaksanaan peruntukan ini menimbulkan pelbagai isu, terutamanya apabila ia melibatkan undang-undang Islam dan aliran kepercayaan lain. Ini sering menghasilkan konflik antara hak individu dan peraturan agama serta negeri.



PERKEMBANGAN EKONOMI

Tuntutan ekonomi dan perubahan aliran global juga memerlukan perlembagaan untuk boleh beradaptasi dan memberi ruang untuk pembangunan dan inovasi.

TAFSIRAN SEMASA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Tafsiran semasa bermaksud bagaimana peruntukan Perlembagaan Persekutuan dibaca, difahami dan diaplikasikan pada masa kini, selari dengan perubahan sosial, politik, ekonomi, teknologi dan norma antarabangsa. Tafsiran ini penting kerana walaupun teks Perlembagaan jarang berubah, realiti masyarakat sentiasa berkembang.



MENJAGA KEHARMONIAN DAN INTEGRASI

Tafsiran perlu mempertimbangkan untuk mengekalkan keharmonian dan perpaduan dalam negara yang pelbagai kaum dan agama.



MENERIMA PERUBAHAN

Tafsiran tidak boleh statik. Ia perlu responsive kepada perubahan social ekonomi dan teknologi agar perlembagaan kekal relevan.

MAHKAMAH DAN KEHAKIMAN

Mahkamah memainkan peranan penting dalam menafsirkan Perlembagaan melalui keputusan-keputusan penghakiman mereka. Keputusan mahkamah, sama ada yang menyokong atau menolak tafsiran tertentu, boleh mewujudkan preseden dan mempengaruhi bagaimana undang-undang Perlembagaan dilaksanakan pada masa hadapan.

PENDEKATAN POLITIK

Tafsiran Perlembagaan juga sering dipengaruhi oleh pandangan dan kepentingan politik. Parti-parti politik yang berbeza mungkin mempunyai tafsiran yang berbeza mengenai peruntukan Perlembagaan, yang menyebabkan perpecahan dalam masyarakat dan juga dalam pentadbiran negara.





ISU-ISU SEMASA BERKAITAN PERLEMBAGAAN

PERUBAHAN LANDSKAP POLITIK DAN PERALIHAN KUASA

Kestabilan politik merupakan salah satu elemen penting dalam mengekalkan perlembagaan. Namun, krisis politik seperti krisis politik Malaysia 2020 dan pengisytiharan darurat pada tahun 2021 telah memperlihatkan ketegangan dalam menafsirkan Perkara 40 dan 150 mengenai kuasa Yang di-Pertuan Agong serta peranan Perdana Menteri. Peralihan kerajaan tanpa pilihan raya dan perdebatan mengenai keabsahan pentadbiran menunjukkan bahawa tafsiran terhadap perlembagaan sering dipengaruhi oleh realiti politik semasa.

HAK ASASI DAN KEBEBASAN INDIVIDU

Perlembagaan menjamin hak-hak asasi seperti kebebasan bersuara (Perkara 10), kebebasan beragama (Perkara 11) dan kesamarataan (Perkara 8). Namun, pelaksanaan hak ini sering kali berdepan dengan sekatan demi menjaga keharmonian awam dan keselamatan negara. Misalnya, perdebatan mengenai had kebebasan bersuara dalam konteks media sosial berhubung dengan Akta Hasutan 1948 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 menunjukkan keperluan menafsir hak asasi secara kontekstual.



POLARISASI KAUM DAN AGAMA

Salah satu cabaran terbesar terhadap perlembagaan ialah polarisasi kaum dan agama. Kes *Jill Ireland v Menteri Dalam Negeri* (2021) mengenai penggunaan kalimah “Allah” oleh bukan Islam memperlihatkan pertembungan antara hak kebebasan beragama dan sensitiviti agama majoriti. Dalam konteks ini, tafsiran terhadap Perkara 3 dan 11 perlu dilaksanakan secara berhati-hati untuk memastikan keadilan kepada semua pihak.



PENYEBARAN MAKLUMAT PALSU

Era digital membawa cabaran baharu kepada perlembagaan melalui penyebaran maklumat salah mengenai peruntukan undang-undang negara. Platform seperti Facebook dan TikTok menjadi ruang penyebaran naratif ekstrem dan salah faham terhadap perlembagaan, termasuk isu bahasa, agama dan hak istimewa. Situasi ini boleh mencetuskan ketegangan sosial dan melemahkan integrasi nasional.

PENGUKUHAN



JAWAB SEMUA SOALAN BERIKUT:

1. Tafsiran Perlembagaan dilakukan oleh badan _____ di Malaysia.
2. Antara cabaran utama terhadap Perlembagaan ialah isu hak asasi manusia dan _____ kaum.
3. Salah satu cabaran tafsiran semasa ialah pertindihan kuasa antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan _____.
4. Artikel 3(1) memeruntukkan bahawa agama Islam ialah agama _____.
5. Tafsiran semasa Perlembagaan perlu seimbang antara hak individu dan kepentingan _____.



SCAN ME

IMBAS SAYA
*untuk menjawab
soalan secara
interaktif*

<https://wordwall.net/resource/99549315>

AKTIVITI PENGUKUHAN



AKU BUKAN SASTERAWAN

Arahan aktiviti:

1. Pensyarah membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan mempunyai 2 hingga 3 orang ahli.
2. Setiap kumpulan dikehendaki mencipta sajak yang bertemakan patriotik, perpaduan dan rasa cinta kepada tanah air.
3. Pelajar perlu mendeklamasikan sajak tersebut dihadapan kelas dengan penuh semangat mengikut kaedah penyampaian sajak yang betul dengan penglibatan semua ahli kumpulan.

Nilai :

- Mendedahkan kepada pelajar nilai-nilai sastera warisan negara melalui sajak.
- Menterjemahkan rasa cinta kepada negara melalui bait-bait sajak.
- Menanam penghayatan semangat patriotisme dan perpaduan melalui sajak yang perlu dideklamasikan secara berkumpulan oleh berbagai kaum.

RUMUSAN



Perlembagaan Persekutuan Malaysia bukan sekadar dokumen undang-undang, tetapi lambang identiti dan tunjang kestabilan negara. Dalam era globalisasi dan perubahan politik yang pantas, tafsiran yang tepat dan berlandaskan prinsip asal perlembagaan adalah penting bagi mengekalkan keharmonian antara kaum, kestabilan politik, dan kedaulatan undang-undang.

Cabaran-cabaran semasa seperti ketidakseimbangan hubungan Persekutuan Negeri, isu hak asasi manusia, dan perkembangan teknologi menuntut agar semua pihak kerajaan, institusi kehakiman, ahli akademik dan masyarakat memainkan peranan aktif dalam memahami dan menghayati semangat perlembagaan.

Pendidikan berkaitan perlembagaan yang menyeluruh di sekolah dan universiti dapat memupuk generasi yang lebih celik undang-undang, berintegriti, dan bersedia mempertahankan kedaulatan negara. Dengan itu, Perlembagaan Persekutuan akan terus relevan sebagai panduan tertinggi Malaysia menuju masa depan yang aman, adil, dan progresif.

1. Abdul Aziz Bari. (2017). *Perlembagaan Malaysia: Asas dan Amalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Ateerah Abdul Razak, Nur Azuki Yusuff, Zaleha Embong (2022). *Penghayatan Etika dan Peradaban*. Penerbit UMK
3. Hasnah Hussin (2022). *Penghayatan Etika dan Peradaban*. MaxUnion Publication
4. Hasnah Hussiin (2018). *Integrasi Kaum Dalam Rancangan Pembangunan Negara: Tumpuan Selepas Dasar Ekonomi Baru*. International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC), Vol 1 (4) 2018. December 2018, pp 58-73
5. Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia. (2022). *Laporan Isu Perpaduan Nasional*. Bangi: UKM.
6. Lina Mastura Jusoh & Zaleha Embong (2022). *Aktiviti Kawasan Rukun Tetangga Sebagai Tapak Integrasi*. Proceeding of International Conference on Ummah 2022 e ISBN 978-967-0021-48-5, Universiti Malaysia Kelantan.
7. Mardiana Nordin, Hasnah Hussiin. (2014) *Pengajian Malaysia Edisi Kelima*. Oxford Fajar, Sdn Bhd.

8. Mohd Mahadee Ismail (2020). *Dinamika Integrasi Politik Melalui Kerjasama Politik Di Malaysia: Teras Kepada Tapak Integrasi Masyarakat Multi-Etnik*. Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, Vol. 47 (3) (December 2020): 332-356.
9. Mohd Ridhuan Tee Abdullah (2010). *Cabaran Integrasi Antara Kaum Di Malaysia: Perspektif Sejarah, Keluarga Dan Pendidikan*. Jurnal Hadhari, 3 (2010), 61-84
10. Munirah Mustaffa, Mohamad Bazli Md Radzi, Naimah Ghazali, Wan Mohd Tarmizi Wan Othman, Mohamad Faizal Ahmat, Mohamad Tarmizi Balya (2020), *Penghayatan Etika dan Peradaban versi Politeknik Malaysia*. Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kuching Sarawak.
11. Ramlah Adam. (2003). *Sejarah Malaysia (1800–1963)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
12. Shad Saleem Faruqi. (2019). *Our Constitution*. Sweet & Maxwell Asia.
13. Shamsul Amri Baharuddin (2014). *Modul Hubungan Etnik (Edisi Kedua)*. Institut Kajian Etnik Universiti Kebangsaan Malaysia.

RUJUKAN



14. Siti Zaharah Setapa, Hasnah Hussiin, Nur Afifah Saharudin, Norhaslina Sulaiman, Mohd Rosdi Ripin, Solehah Samsudin, Zuharyati Yusof (2022), *Penghayatan Etika dan Peradaban Siri Politeknik*, Penerbit Ehsan (M) Sdn Bhd.
15. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. (2023). *Laporan Tahunan Hak Asasi Manusia*. Kuala Lumpur: SUHAKAM.
16. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2023). *Laporan Tahunan SKMM*. Putrajaya: SKMM.